

# Lawatan amat berjaya – PM

um- 22/4/2007

Selain China dan India, Malaysia kini menjadi tumpuan berikutan dasar pandang ke Timur yang diamalkan negara-negara Afrika dalam melaksanakan pendekatan pembangunan mereka – Abdullah Ahmad Badawi

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

**WINDHOEK (Namibia) 21 April** – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan lawatan kerjanya ke Sudan, Kenya dan Namibia di benua Afrika yang berakhir hari ini sebagai amat berjaya serta berlangsung dalam suasana persahabatan yang tinggi bagi memperkukuhkan hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata, ketiga-tiga negara itu menerima baik kehadiran beliau sebagai ketua negara, selain menteri, pegawai serta ahli perniagaan dari Malaysia dan menunjukkan keinginan mendalam untuk meningkatkan kegiatan ekonomi termasuk dalam bidang pelaburan, perusahaan dan pembangunan sektor penting, khususnya infrastuktur.

Menurutnya, pada peringkat kerajaan, perbincangan dua hala menekankan betapa pentingnya kegiatan berkaitan pembangunan modal insan dan peningkatan keupayaan institusi, pendidikan, pelaburan, pelancongan, komunikasi dan penerbangan diberi perhatian.

“Bidang ini dianggap penting bagi kedua-dua pihak. Ada juga melihat pertanian harus diberi perhatian yang tinggi kerana ia membabitkan ramai rakyat biasa. Dengan keputusan yang dibuat dan hasrat untuk melaksanakannya, perhubungan dua hala dengan ketiga-tiga negara akan menjadi lebih aktif bersama pembabit swasta.

“Segala keputusan yang diambil akan dilaporkan kepada jemaah menteri supaya menteri yang berkenaan akan melaksanakan apa juga keputusan yang ada kaitan dengan tanggungjawab Kementerian masing-masing,” katanya kepada wartawan Malaysia pada sidang akhbar di sini hari ini.

Abdullah ditanya mengenai hasil lawatan kerjanya ke Sudan, Kenya dan Namibia, bermula 15 April lalu dan berakhir hari ini. Turut mengiring lawatan beliau ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Perdana Menteri berkata, selain China dan India, Malaysia kini menjadi tumpuan berikutan dasar pandang ke Timur yang diamalkan negara-negara Afrika dalam melaksanakan pendekatan pembangunan mereka.

Katanya, mereka beranggapan Malaysia boleh dicontohi kerana ada banyak persamaan dan berpendapat jika Malaysia berjaya dengan tindakan yang diambil untuk memajukan bidang tertentu, mereka juga ada harapan untuk mencapai kemajuan dalam bidang itu.

“Dalam hal ini, penggalakan peranan swasta amat penting kerana kejayaan negara kita juga berasaskan kepada kecergasan sektor

swasta dalam usaha meningkatkan kegiatan ekonomi negara kita, khususnya membabitkan perdagangan, perusahaan dan import eksport,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus menawarkan bantuan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) ke arah memberikan sumbangan konkrit terhadap membina keupayaan individu dan institusi negara-negara penerima dan sehingga kini, 68 pegawai dari Namibia mengikuti program itu.

Pegawai terbabit diberi pendedahan mengenai pelaksanaan dasar dan pendekatan yang diambil di Malaysia, membina keupayaan individu sebagai pegawai kerajaan dan membina keupayaan institusi bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab merencanakan kegiatan ekonomi, katanya.

“Saya menekankan betapa pentingnya program pendedahan dan menempatkan pegawai mereka di institusi berkaitan yang dianggap penting untuk memahami apa yang kita laksanakan, cara dan apa institusi yang kita bina untuk menjayakan sesuatu program.

“Mereka berminat untuk membangunkan usahawan bumiputera. Dalam hal ini, aspek pembangunan yang dianggap penting ialah institusi berkaitan penggalakan pembangunan usahawan, institusi kewangan dan pembangunan tenaga pengurusan,” jelas Abdullah.

Beliau berkata, peruntukan bagi menjalankan program itu pada keseluruhannya sudah mencukupi tetapi kerajaan sedia menambah selepas kajian setengah penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Mengenai peluang perusahaan di Namibia yang hanya mempunyai 2 juta penduduk, Abdullah berkata, usahawan Malaysia yang mahu menceburi bidang perkilangan boleh menjadikan negara ini sebagai pangkalan bagi menghasilkan produk mereka untuk dipasarkan di sini dan eksport.

“Ada negara yang hari ini mempunyai dasar yang baik, tidak mengenakan tarif dan sebagainya bagi barangan yang dihasilkan di sini. Kita boleh mengambil pendekatan eksport ke negara-negara Eropah dan Amerika bagi produk yang dihasilkan di sini.

“Bagi usahawan yang tidak berjaya, mereka perlu membuat penyesuaian dengan perubahan dasar negara tertentu. Terserah kepada kebijaksanaan pengusaha, pelabur dan pihak pengurusan untuk membuat penyesuaian dan mengkaji semula mengenai tindakan yang diambil sebelum ini,” katanya.

Perdana Menteri berharap usahawan dan



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Speaker Perhimpunan Kebangsaan, Dr. Theo-Ben Gurirab (kiri) di kediaman rasmi Theo-Ben di Kelab Resort Windhoek, Namibia, Jumaat lalu.

pengurus yang akan dihantar bekerja di sini perlu terlebih dulu memahami hal berkaitan undang-undang dan peraturan setempat.

Abdullah juga menarik perhatian usahawan supaya mencontohi Kenya yang dilihat begitu berjaya menguruskan taman safari sehingga dikenali destinasi pelancongan terbaik dunia.

## Keutamaan

Terdahulu, pada majlis jamuan malam yang dihoskan Presiden Namibia Hifikepune Pohamba di sini, Abdullah berkata, semangat Kerjasama Selatan-Selatan akan terus menjadi keutamaan dalam pendekatan Malaysia membina hubungan dengan semua negara di Selatan.

Katanya, statistik menunjukkan perdagangan bilateral negara membangun

telah meningkat dua kali ganda purata global dan mewakili 40 peratus daripada eksport mereka sejak beberapa tahun lalu.

Dalam kes Malaysia, jelas Abdullah, jumlah dagangan Malaysia-Afrika pada 2005 adalah sebanyak AS\$2.7 bilion dan pada 2006 melonjak kepada AS\$3.303 bilion, peningkatan sebanyak 20.3 peratus.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama dialog perkongsian bijak memberikan sumbangan positif terhadap usaha memupuk Kerjasama Selatan-Selatan.

Dalam hubungan ini beliau memberikan penghargaan kepada pemimpin Namibia atas peranan aktif mereka pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) serta berharap mereka akan terus memberikan sokongan dan menyertai LID yang dijadual Ogos ini.

Mingguan